



## PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), mempelawa warganegara Malaysia yang mempunyai ciri-ciri modal insan yang berilmu, berkeyakinan, berintegriti, kreatif, inovatif, komited dan mempunyai kecemerlangan peribadi untuk mengisi kekosongan jawatan secara **kontrak** sebagai Penjaga Jentera Elektrik (J1) di Kolej Profesional MARA Bandar Penawar, Johor.

BIL	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK (GRED J1)  - KATEGORI SIJIL KEKOMPETENAN A0/A1/A4-2/A4-1/A4/B0-2/BO-1/B0/B1/B4	RM 1,500.00	RM 4,680.00

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:  
5 JUN 2026**

### SYARAT UTAMA LANTIKAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
3. Calon bagi lantikan jawatan tersebut hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Perakuan Kekompetenan Sebagai Penjaga Jentera yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (Kategori : A0/A1/A3/A4)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

## **SYARAT LANTIKAN BAGI PENJAGA JENTERA ELEKTRIK:**

### **1. PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J1**

- 1.1 i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **wajib mempunyai Sijil Suruhanjaya Tenaga (Kategori sekurang-kurangnya A1 atau A4)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan di Gred J1 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan :

- A0 / A1 = RM 1,561.00
- A4-2 / A4-1 / A4 = RM 1,622.00
- B0-2 / B0-1 / B0 / B1 / B4 = RM 1,683.00

## **TARAF JAWATAN:**

**Kontrak**

## **SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **PERMOHONAN DAN KAEDAH PELAKSANAAN**

- i. **Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) jawatan sahaja.**
- ii. **Pemohon hendaklah memohon jawatan berdasarkan kelayakan yang dimiliki tepat dengan bidang yang diiklankan.**

- iii. Permohonan boleh dibuat terus dengan menghantar '**Resume**' seperti alamat **dibawah** yang mengandungi maklumat-maklumat berikut:-
- a. Nama Jawatan yang dimohon
  - b. Butir-butir peribadi
  - c. Nombor Telefon dan Emel
  - d. Salinan Sijil Kelulusan Akademik (Salinan disahkan benar)
  - e. Salinan Sijil Perakuan Kekompetenan oleh Suruhanjaya Tenaga (Salinan disahkan benar)
  - f. Salinan Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan (Salinan disahkan benar)
  - g. Gambar terbaru berukuran passport (3 keping)
  - h. Salinan lesen-lesen atau sijil-sijil berkaitan
- iv. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan mengikut kelayakan yang dinyatakan.
- v. Semakan pengiktirafan kelayakan ijazah doktor falsafah / ijazah sarjana / ijazah sarjana muda / diploma boleh dibuat melalui laman web **Kementerian Pendidikan Tinggi** iaitu: **[www2.mqa.gov.my/esisraf](http://www2.mqa.gov.my/esisraf)**.
- vi. Pemohon yang melepasi saringan sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.
- vii. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
- viii. **Tarikh buka permohonan iklan jawatan ini ialah pada 20 Mei 2026.**
- ix. **Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada 05 Jun 2026.**

**PENGARAH**  
**KOLEJ PROFESIONAL MARA BANDAR PENAWAR**  
**JALAN UNGKU ABDUL AZIZ**  
**81930 BANDAR PENAWAR, JOHOR**  
**NO. TEL : 07-884 2222 / 213 / 218**  
**Emel : [farhana.jabbar@mara.gov.my](mailto:farhana.jabbar@mara.gov.my) / [hafiz.ramli@mara.gov.my](mailto:hafiz.ramli@mara.gov.my)**



'Amanah Rakyat'